



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
MERANGKAP PENERUSI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

## **PROGRAM**

**PROGRAM WANITA BANGKIT @ KPWKM MY KASIH KAPITAL YKN**

## **LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN  
5 DISEMBER 2023 (SELASA) 11.30 PAGI**

*Kemaskini 5 Disember 2023*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Malaysia Madani

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya diberi kekuatan, kesihatan dan kesempatan untuk bersama-sama semua dalam Program **Wanita Bangkit @KPWKM MyKasih Kapital YKN** pada pagi ini.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran **Yang Berbahagia Dato' Hajah Melati Ali**, Pengerusi Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia yang sudi bersama-sama pada

hari ini memberi sokongan dalam program membantu masyarakat khususnya wanita di sini.

3. Syabas dan tahniah diucapkan kepada **1,000 peserta** yang berada di hadapan saya. Saya sifatkan semua yang ada di hadapan saya cukup bertuah kerana terpilih menjadi wanita hebat dan berjaya kerana program Wanita Bangkit @KPWKM MyKasih Kapital YKN ini diilhamkan untuk membawa kaum wanita bangkit daripada kesukaran, bangun daripada rebah dan dapat menjana pendapatan membantu ekonomi keluarga

keluarga.

4. Bagi tahun 2023, seramai 8,930 wanita telah menyertai program Wanita Bangkit@KPWKM dan telah diberikan modal perniagaan, bimbingan dan motivasi serta dihubungkan dengan perniagaan daripada mentor-mentor berpengalaman, yang juga rakan strategik YKN.

## **WANITA SEBAGAI USAHAWAN**

5. Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital adalah bantuan kepada golongan wanita yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk menjana pendapatan dengan permulaan modal kecil hanya beroperasi dari rumah.
6. Golongan sasar seperti suri rumah dan ibu tunggal diberikan peluang menjana pendapatan dengan mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang

kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya.

7. Peserta MyKasih Kapital yang hadir akan mengikuti kursus dan bimbingan oleh Yayasan Kebajikan Negara bersama rakan strategik jabatan / agensi kerajaan seperti PERKESO, Kaunselor Berdaftar serta perkongsian pengalaman dan tips daripada usahawan berjaya bagi mempersiapkan diri para peserta menjana pendapatan dan keluar dari belenggu kesusahan.

## **IMPAK PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM**

Hadirin sekalian,

8. Peserta Program Wanita Bangkit@KPWKM yang terpilih akan dipantau selepas 6 bulan menerima bantuan modal dan menjalani kursus daripada YKN, namun untuk tahun 2023 pemantauan telah diawalkan selepas 3 bulan menjadi peserta Program Wanita Bangkit. Melalui pemantauan fasa pertama selepas 3 bulan menerima bantuan MyKasih Kapital hasil pemantauan mendapati 90% peserta dapat terus menjana pendapatan dengan



hanya berniaga di rumah. Tujuan pemantauan dibuat untuk mengenal pasti dikalangan peserta Wanita Bangkit yang boleh dirujuk ke fasa seterusnya untuk mengembangkan perniagaan melalui Program Penjana Pendapatan Wanita (WEJANA) oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan membangunkan kapasiti yang meliputi elemen kemahiran melalui bimbingan dan latihan. Selain itu mereka juga akan dirujuk kepada bantuan di bawah skim yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

(KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

9. Mulai tahun 2023 Program Wanita Bangkit@KPWKWM telah diberi nilai tambah dengan memberi pendekatan bimbingan dan kaunseling serta psychoeducation terlebih dahulu daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat YKN bagi meningkatkan jati diri wanita, memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi. Ini penting supaya peserta Wanita Bangkit dapat meningkatkan daya tahan serta memulakan kehidupan yang baru akibat hilang punca

pendapatan, penceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup. Perkongsian daripada Kaunselor Berdaftar ini diharap dapat membantu puan-puan peserta Wanita Bangkit untuk mengawal tekanan dan sentiasa berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan.

10. Selain itu, peserta Program Wanita Bangkit@KPWKM ini turut mendengar perkongsian pengalaman dan tips perniagaan daripada usahawan mentor yang bermula daripada suri rumah atau ibu tunggal sehingga menjadi

usahawan berjaya. Perkongsian pengalaman dan tips perniagaan ini bertujuan menyuntik semangat dan motivasi serta membantu melebarkan jaringan dalam kalangan wanita yang baru dan telah mula berniaga secara kecil-kecilan.

## **KOLABORASI DENGAN INDUSTRI LUAR**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM ini juga tidak akan mencapai matlamatnya tanpa adanya koordinasi dan

kolaborasi mantap dan tersusun dengan pemain industri di luar sana. Sesi kursus yang dijalankan banyak memberi pendedahan untuk membimbing para peserta. Rakan Strategik YKN seperti PERKESO yang memberikan taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri (SKPS) kepada para peserta kerana ada antara peserta-peserta Wanita Bangkit@KPWKM terdiri daripada kalangan suri rumah. Skim perkhidmatan ini memberi perlindungan daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan

rumah tangga di samping menjana pendapatan keluarga dengan caruman yang dibuat dan ianya bertepatan dengan objektif program MyKasih Kapital - Wanita Bangkit@KPWKM.

## **HARAPAN**

Puan-puan sekalian,

12. Saya berharap, wanita - wanita hebat di Pahang mengambil peluang Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM kerana program ini merupakan platform terbaik bagi

mengangkat peranan hebat wanita dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

13. Saya yakin Program Wanita Bangkit@KPWKM ini akan membantu wanita untuk keluar daripada belenggu kesusahan menjadi usahawan berjaya, dan seterusnya dapat membantu wanita lain dalam memberikan peluang pekerjaan, mengambil upah dan perniagaan kecil-kecilan.

14. Oleh itu, saya ingin menyeru semua yang ada pada hari ini untuk mengambil peluang ini untuk meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga supaya dapat menikmati tahap kehidupan kepada yang lebih baik pada masa hadapan.
  
15. Dikesempatan ini saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua Rakan Strategik YKN yang sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan YKN dalam Program Wanita Bangkit dan saya percaya dengan hasil



pemantauan yang dijalankan kepada peserta Wanita Bangkit 2023 ini, KPWKM melalui YKN akan memperluaskan lagi jaringan kerjasama antara kementerian, agensi dengan rakan korporat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya Wanita di negara ini.

16. Program Wanita Bangkit ini juga turut dibantu oleh 400 orang sukarelawan wanita yang telah berdaftar di bawah YKN bagi melancarkan pelaksanaan program di setiap lokasi dan hari ini seramai 40 orang sukarelawan dari sekitar Kuantan bersama membantu. Penglibatan mereka

bukan sahaja membantu malahan menjadi ejen kepada KPWKM khususnya YKN dalam menyebarkan luas informasi tentang bantuan serta perkhidmatan yang disediakan untuk membantu mereka yang memerlukan.

17. Terima kasih YKN selaku penggerak utama Program Wanita Bangkit @KPWKM dan kepada Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia yang memberi kerjasama untuk melaksanakan program Wanita Bangkit@KPWKM untuk membantu golongan wanita khususnya di Pahang. Tahniah dan syabas juga kepada jabatan agensi di

bawah KPWKM Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara, Institut Sosial Malaysia dan Lembaga Kaunselor Malaysia serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan program ini.

18. Penghargaan kepada 24 usahawan yang bersama menyertai program ini dengan membuka booth pameran produk perniagaan masing-masing. Mereka boleh dijadikan contoh dan inspirasi kepada para peserta yang

ada pada hari ini untuk memulakan perniagaan di samping dapat meluaskan potensi pasaran perniagaan mereka.

19. Akhir kata, ayuh Wanita semua kita bangkit dan mengubah hidup ke arah yang lebih baik. Saya bersama seluruh warga KPWKM sentiasa bersedia membantu Wanita-wanita mencapai kejayaan.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**5 Disember 2023**